



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS MALAM MEDIA KKLW TAHUN 2016
TEMA : 'CAHAYA BOLLYWOOD'**

**GRAND BALLROOM, PREMIERA HOTEL,
KUALA LUMPUR.**

**25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Berusaha Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI)

YB Datuk Alexander Nanta Linggi

Timbalan Menteri I KKLW

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub

Timbalan Menteri II KKLW

YBhg Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman

Ketua Setiausaha KKLW

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus

YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin

dan

YBhg. Datin Seri Elena Chiang binti Abdullah

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha KKLW

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian

Ketua-Ketua Pengarang Agensi-Agensi Media, Pengurus-Pengurus Besar, Penolong-Penolong Ketua Pengarang dan Pengurus, Pengarang dan Pengurus, serta Rakan-Rakan Media yang dikasihi dan yang kami raikan pada malam ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada Majlis Malam Media Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) Tahun 2016 yang diadakan pada malam ini. Saya amat berbesar hati berada di sini dan bertemu dengan saudara saudari sekalian. Selamat datang saya ucapkan kepada semua Ketua Pengarang, Wartawan dan pengamal media massa ke Majlis Malam Media KKLW 2016 pada malam ini.

2. Saya berasa cukup bertuah diberikan kesempatan untuk bersama dengan `keluarga` pengamal media dalam majlis yang amat bermakna yang bertemakan "**Cahaya Bollywood**" pada malam ini. Adalah menjadi harapan saya, agar hubungan baik yang telah terbina dan terjalin sesama kita ini dapat kekal berpanjangan – dalam kita mengisi peranan masing-masing membentuk `nation building` yang lebih bermakna dan menjanjikan kemakmuran.

Para hadirin yang saya muliakan,

3. Penganjuran Majlis Malam Media KKLW 2016 ini merupakan inisiatif Kementerian menerusi Unit Komunikasi Korporat bagi meraikan dan mengiktiraf kerjasama dan sumbangan pihak media yang selama ini, telah banyak membantu dalam menyebarkan liputan dan publisiti mengenai Kementerian. Majlis ini juga adalah sebagai tanda terima kasih kepada pihak media yang selama ini telah memberi sokongan padu dan tanpa jemu terutamanya terhadap program-program dan isu-isu berkaitan pembangunan dan usaha-usaha KKLW dalam memacu kemajuan masyarakat luar bandar.

4. Tiada siapa boleh menafikan peranan wartawan dan media massa dalam pembangunan dan pemodenan negara. Melalui penulisan mereka, dapat mengubah pemikiran

masyarakat malah kekuatan yang ada pada ketajaman penulisan mereka boleh menjatuhkan atau membangunkan sesebuah negara. Betullah seperti kata pepatah; **Mata Pena Lebih Tajam Dari Mata Pedang**. Dalam konteks KKLW, media bertindak sebagai penghubung yang mendekatkan Kementerian dengan masyarakat luar bandar menerusi liputan dan kupasan yang diterbitkan berkaitan isu-isu pembangunan luar bandar yang relevan dan konsisten sepanjang tahun.

CABARAN MEDIA MASSA HARI INI

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

5. Perkembangan pesat rangkaian telekomunikasi global dan ledakan teknologi maklumat masa kini amat ketara dirasai setelah dunia melangkah masuk ke dalam abad baru. Fenomena globalisasi telah mendedahkan masyarakat kepada suatu revolusi maklumat yang melangkaui sempadan sehingga mampu mengubah dan mencorak sistem pentadbiran dunia dan budaya masyarakat global. Ditambah pula dengan industri media cetak, elektronik dan media sosial yang kian berkembang, media massa menjadi pelengkap kepada rangkaian komunikasi hari ini. Malah, internet dan media sosial juga sudah diiktiraf sebagai satu sumber penting dalam pengumpulan dan penyebaran maklumat.

6. Pada masa yang sama, tidak ada sesiapa yang dapat menafikan kuasa yang ada pada media massa sebagai sebuah institusi sosial yang menjadi penghubung antara pemerintah dan rakyat. Kuasa media massa sesungguhnya amat besar terutama dalam membentuk pemikiran sesebuah masyarakat. Sama ada anda setuju atau tidak, saya berpendapat bahawa setiap daripada kehidupan kita dibelenggu oleh kesan bagaimana sesebuah organisasi kerajaan termasuklah seperti KKLW mengendalikan maklumat. Bagaimana sesebuah organisasi kerajaan mengelola maklumat menjadi faktor penting dalam menentukan

kecekapan dan kewibawaan mereka. Dan bagaimana organisasi kerajaan termasuklah KKLW menggunakan elemen komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada media massa, itu juga merupakan cabaran yang kita hadapi pada hari ini.

7. Pada pandangan saya, dalam kita berdepan dengan segala cabaran pada hari ini apa yang paling penting dan paling asas adalah untuk terus membina, memelihara dan memupuk jalinan kerjasama yang baik antara kerajaan dengan media massa. Saya percaya, melalui *symbiotic relationship* di antara kerajaan dan media massa akan dapat membantu melahirkan pasukan komunikasi di kalangan organisasi kerajaan yang lebih cekap dalam mengendalikan maklumat. Dengan hubungan baik yang terjalin, kerajaan dapat memberi penjelasan yang betul dan tepat melalui media massa agar rakyat dapat memahami apa jua masalah yang mungkin timbul.

8. Justeru, majlis malam ini kita anjurkan khusus untuk mempererat dan mengukuhkan lagi jalinan kerjasama sedia ada. Lebih istimewa, majlis malam ini juga merupakan apresiasi KKLW terhadap sumbangan pihak media berdasarkan kualiti dan impak positif pelaporan-pelaporan berita, editorial, advertorial, rangkuman isu serta gambar-gambar program KKLW yang telah berjaya menyentuh hati masyarakat luar bandar khususnya di bawah Program Transformasi Luar Bandar KKLW.

ANUGERAH MALAM MEDIA KKLW 2016

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh YBhg Dato' Dr. Chamil Wariya dalam ucapan aluan beliau sebentar tadi, buat julung kalinya, penganjuran Malam Media KKLW 2016 kali ini akan mengiktiraf pelaporan dan hasil karya para wartawan, kru dan jurugambar organisasi media mengenai isu-isu berkaitan Kementerian menerusi tiga (3) anugerah utama yang dipertandingkan iaitu; **Anugerah Media Cetak Terbaik; Anugerah Media Elektronik Terbaik** dan **Anugerah Foto Terbaik**.

10 . Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' serta pihak **Malaysian Press Institute** atau **MPI** selaku Sekretariat Penghakiman bagi Anugerah Malam Media KKLW 2016. Semoga kerjasama ini akan dapat diteruskan pada tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya. Kepada para pemenang yang akan diumumkan sebentar lagi, sekalung **TAHNIAH** saya ucapkan atas kejayaan tuan-tuan dan puan-puan. Terima kasih kerana telah menulis, menerbit dan menghasilkan karya yang amat berharga yang dapat kami jadikan sumber rujukan pada masa akan datang.

11. Saya amat berharap agar kemenangan tuan-tuan dan puan-puan pada majlis ini akan memberi inspirasi dan suntikan semangat kepada rakan-rakan media yang lain untuk terus menulis dan menerbitkan artikel, rencana, dokumentari dan gambar-gambar yang lebih bermutu bagi dipertandingkan pada Anugerah Malam Media tahun berikutnya. Mengenai cadangan YBhg. Dato' Dr. Chamil Wariya bagi ganjaran kewangan yang boleh ditingkatkan, InshaaAlla, pihak Kementerian akan memberikan pertimbangan sewajarnya tentang usul berkenaan, begitu juga dengan bilangan kategori pencalonan yang boleh ditambah pada tahun hadapan.

Meningkatkan Kompetensi Warga Media

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Pembangunan modal insan meliputi individu yang mampu dan sentiasa bersedia untuk bersaing bagi memajukan diri untuk menjadi lebih kompeten dan cemerlang. Peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tidak hanya terhad kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah malahan turut terbuka kepada individu yang telah dan sedang bekerja. Sehubungan dengan itu, suka untuk saya berkongsi di sini bahawa Kementerian turut

memberi tajaan kepada individu-individu yang sedang bekerja termasuk wartawan dan pengamal media untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di dalam negara mahu pun di luar negara.

13. Sebagai contoh, Majlis Amanah Rakyat (MARA) menerusi Bahagian Penganjuran Pelajaran ada menawarkan Program Pasca Siswazah Dalam dan Luar Negara kepada Bumiputera warganegara Malaysia lepasan Ijazah pertama untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana, Professional dan Doktor Falsafah di dalam dan luar negara. Penajaan yang diluluskan adalah bagi pengajian secara Kerja Kursus (*by Coursework*) dan Penyelidikan (*by Research*). Suka saya nyatakan bahawa, ada di kalangan pengamal media telahpun menyambung pengajian bagi meningkatkan kompetensi diri di dalam bidang kewartawanan di bawah tajaan Mara ini. Malah ada di antara mereka juga pernah melanjutkan pengajian di universiti-universiti ternama dunia seperti berikut :-

- i. *Imperial College United Kingdom*
- ii. *Oxford University*
- iii. *University of Cambridge*
- iv. *Massachusetts Institute of Technology USA*
- v. *National University of Singapore*
- vii. *First Moscow State Medical University Russia*
- viii. *Australian National University*

14. Dan pada malam ini, saya juga ingin mengumukan bahawa KKLW melalui Mara bersetuju menawarkan penajaan untuk para pengamal media melanjutkan pengajian ke peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** di universiti-universiti di dalam negara.

Untuk tahun 2017, Mara menetapkan **kuota khas kepada 10 pengamal media** untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan profesion kewartawanan. Sekiranya ada di antara rakan-rakan media yang berminat untuk memohon bagi mendapatkan tajaan pengajian ini, calon perlu mengemukakan surat tawaran daripada universiti atau institusi

pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan. Bagi pihak Kementerian, saya amat mengalu-alukan anda yang bakal terpilih sebagai salah seorang penuntut tajaan Mara.

PENUTUP

YBhg. Dato'/Datin, rakan-rakan media serta hadirin sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, sekali lagi saya menzahirkan rasa bangga dan berterima kasih atas segala kerjasama pihak media selama ini dalam melaporkan inisiatif-inisiatif Kerajaan melalui KKLW untuk membangun dan mewujudkan persekitaran luar bandar yang kondusif dan lengkap dari sudut prasarana, pembangunan belia luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan cemerlang dan sistem penyampaian yang komprehensif. Saya berharap agar hubungan baik dan erat ini akan berkekalan dan dapat dipertingkatkan lagi. Kementerian amat menghargai segala publisiti yang telah diberikan secara langsung dan tidak langsung oleh pihak media dalam usaha kami menuju ke arah Transformasi Luar Bandar menjelang tahun 2020.

16. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak sekretariat Majlis Malam Media KKLW 2016 yang terdiri daripada Unit Komunikasi Korporat KKLW serta Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Jabatan/Agensi yang telah bertungkus lumus bagi memastikan majlis pada malam ini berjalan lancar. Jutaan penghargaan kepada semua bahagian dan agensi yang telah memberikan sumbangan hadiah cabutan bertuah dan cenderahati pada Majlis Malam Media KKLW 2016 ini.

17. Akhir kata, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.